



Pasar terapung di Kampung Pantai Suri bantu tingkatkan pendapatan penduduk sekitar.

**ASEAN SKILLS
COMPETITION 2016**

KEKK
Karnival & Ekspo
Kemahiran Kebangsaan 2016



7

**HARI
LAGI**

**24-26
September
MAEPS
Serdang**



Peniaga di Kelantan Floating Market menunggu pelanggan dalam perahu masing-masing, di Pantai Suri.

Pasar terapung pertama di Malaysia

➔ Penduduk
Tumpat guna
10 perahu jual
makanan,
minuman
mampu tarik
penduduk luar,
setempat

Oleh Siti Rohana Idris
bhkb@bh.com.my

► Tumpat

Kelantan Floating Market' atau pasar terapung di Kampung Pantai Suri, di sini, yang mula beroperasi semalam menjadi pasar terapung pertama di Malaysia.

Sebanyak 10 perahu penambang disediakan sebagai permulaan untuk menjual makanan dan minuman yang mampu menarik tumpuan penduduk setempat atau luar Kelantan.

Konsep jualan yang dibuat seakan-akan pasar terapung di Thailand itu menghimpunkan pelbagai jualan khususnya yang hanya terdapat di sekitar perkampungan pulau termasuk jeli kelapa, gula melaka, madu, nasi berlauk pagi, aneka kuih tradisional dan kerabu nipah.

Pengarah Pemasaran dan Komunikasi SuriMasSeroja, Tengku Rizuan Tengku Zainal Abidin, berkata konsep yang dinamakan *Kelantan Floating Market* itu adalah yang pertama di Malaysia.

"Kami melihat Kampung Pantai Suri adalah lokasi strategik dan ada potensi untuk dimajukan. Pembabituan penduduk kampung juga amat membanggakan.

Tingkat pendapatan penduduk

"*Kelantan Floating Market* ini dibuka setiap hari Sabtu bermula jam 10 pagi hingga 12.30 tengah hari. Inisiatif mewujudkan pasar berkenaan oleh SuriMasSeroja bertujuan meningkatkan pendapatan penduduk kampung dan memperkasakan produk yang boleh diketengahkan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Tengku Laksamana Kelantan, Datuk

Info

Kelantan Floating Market

- ➔ 10 perahu penambang
- ➔ **Dibuka** setiap hari Sabtu 10 pagi hingga 12.30 tengah hari
- ➔ **Tambang** perahu bagi dewasa RM5 dan kanak-kanak RM3

Tengku Abdul Halim Ibni Almarhum Sultan Ibrahim turut hadir meninjau kemeriahan *Kelantan Floating Market* yang diiringi Pengarah Tourism Malaysia Negeri, Hafiz Hazin.

Tengku Rizuan berkata, untuk pergi ke pasar terapung di tebing sungai Kampung Suri itu, pengunjung perlu menaiki bot yang disewa daripada penduduk kampung dengan bayaran RM5 untuk dewasa dan RM3 (kanak-kanak).

"Bilangan bot akan ditambah dari semasa ke semasa bergantung kepada keperluan pengunjung. Kemungkinan pada musim cuti sekolah atau perayaan, jumlah pengunjung akan bertambah," katanya.

Selain jualan, katanya, turut diadakan demonstrasi mewarna batik, membuat kuih kapit, menjahit atap nipah, kraf tangan dan beruk memetik kelapa bagi menarik kunjungan pelancong.